



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

---

**KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
(PERKARA AKADEMIK) 2008 (BAGI PROGRAM PERINGKAT DIPLOMA)  
PINDAAN 2018**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
13 Mac 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**13 Mac 2018**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 4 TAHUN 2018**

### **KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) 2008 (BAGI PROGRAM PERINGKAT DIPLOMA) PINDAAN 2018**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-164 Bilangan 3/2018 yang bersidang pada 13 Mac 2018 telah bersetuju dengan kertas cadangan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (Bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam memastikan peraturan yang telah digariskan di dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 dipatuhi dan dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi universiti.
- 2.2 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) (bagi Program Peringkat Diploma) diluluskan pada tahun 2008. Pindaan kaedah ini dibuat pada tahun 2014 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil. 8/2014 bertarikh 25 Ogos 2014 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-94 Bil. 4/2014 bertarikh 22 September 2014.
- 2.3 Penampaikan Kaedah ini adalah berdasarkan justifikasi berikut :
  - 2.3.1 Keputusan dalam Mesyuarat Senat Universiti
  - 2.3.2 Dasar-dasar baharu yang ditetapkan oleh MQA dan JPT.
- 2.4 Mesyuarat JKPA Kali Ke-156 Bil. 1/2018 bertarikh 5 Februari 2018 memperakulkan cadangan pindaan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Perkara Akademik) 2008 (bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 dibentangkan ke Senat untuk kelulusan.

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:
  - 3.1.1 meluluskan pindaan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018.
- 3.2 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Pindaan 2017 akan berkuatkuasa untuk Sesi Jun 2018 tertakluk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
- 3.3 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 (bagi Program Peringkat Diploma) Pindaan 2018 adalah seperti LAMPIRAN A.

### **4.0 TARIKH KUASA KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 13 Mac 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik



## **LAMPIRAN A**